



JAWATAN : PENSYARAH UNIVERSITI
SKIM PERKHIDMATAN : PENSYARAH UNIVERSITI
KLASIFIKASI : PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN : KONTRAK
LOKASI : JABATAN PENDIDIKAN SAINS DAN TEKNIKAL, FAKULTI PENGAJIAN
PENDIDIKAN
KEPERLUAN BIDANG : PENDIDIKAN SAINS RUMAHTANGGA (SRT)

GAJI:

Jadual Gaji Minimum-Maksimum: RM5,855.00 - RM12,445.00

ELAUN:

Imbuhan Tetap Keraian : RM600.00 sebulan
Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00 sebulan
Bantuan Sara Hidup : RM300.00 sebulan

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan minimum CGPA 3.0 ke atas;
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN (KHAS) UPM BAGI JAWATAN STAF AKADEMIK:

- 1) Calon perlu memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 2) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai bidang kepakaran berkaitan dan boleh mengajar dalam Bahasa Inggeris dengan fasih;
- 3) Calon mahir dalam penyelidikan Sains Sosial dan kemahiran menggunakan teknologi dalam membangunkan bahan kursus, penyelidikan dan menguruskan kerja berkumpulan dengan ahli akademik lain.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan UPM di pautan berikut (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/SOK-BUM-web/BORANG/3.SOK.BUM.BR03.JAWATAN%2001-permohonan%20kump.p&p.pdf) -- beserta Curriculum Vitae, salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan yang perlu DISAHKAN.
2. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang TIDAK LENGKAP tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
3. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga di peringkat Fakulti yang berkenaan.
4. Segala dokumen permohonan hendaklah dihantar mengikut alamat berdasarkan jawatan yang dipohon.
5. Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang jawapan dari pihak Universiti Putra Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan, bermakna permohonan tersebut adalah dianggap tidak berjaya.